

03/02/1999

Anak Ghafar meninggal dunia

KUALA LUMPUR, Selasa - Rosman, anak ketujuh bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Ghafar Baba, meninggal dunia petang ini sehari sebelum menyambut hari jadinya ke-42 esok.

Rosman yang bujang meninggal dunia pada jam 2 petang ini ketika mengambil wuduk untuk menunaikan solat zohor di rumah Ghafar di No 15 Lorong Bukit Pantai Lima, Bangsar.

Rosman yang menghidap lelah, baru keluar dari Hospital Ampang Puteri semalam selepas menerima rawatan sejak Aidilfitri ketiga, kata anak ketiga Ghafar, Mohd Tamrin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali antara orang kenamaan yang menziarahi jenazah Allahyarham. Jenazah Allahyarham akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Ampang pada jam 9.30 pagi esok.

(END)